



COVID-19

MUNCUL PERKATAAN DAN PENYAKIT TERBAHARU DI DUNIA

“COVID-19: Cuba sekat kemasukan pelancong asing, COVID-19: Bicara 1MDB tangguh. Tabung Covid-19 kurangkan beban”. Demikianlah antara beberapa tajuk utama berkaitan dengan COVID-19 yang menghiasi halaman akhbar berbahasa Melayu di negara kita kebelakangan ini.

SELURUH dunia, termasuk Malaysia kini digegarkan dan digentarkan oleh COVID-19, iaitu sejenis penyakit berbahaya yang pertama kali muncul di dunia. Penyakit tersebut dicetuskan oleh sejenis virus yang dikesan pada 31 Disember 2019 di Wuhan, China. Virus tersebut dinamakan *coronavirus* atau koronavirus. Hingga akhir bulan Mac 2020, penyakit serius ini sudah meragut lebih daripada 20 ribu nyawa dan lebih daripada 400 ribu orang pula dijangkiti penyakit ini di kebanyakan negara di seluruh dunia.

Apakah itu koronavirus? Dalam *Kamus Biologi* istilah koronavirus dijelaskan sebagai “kumpulan virus utama pada haiwan yang menyebabkan bronkitis dan hepatitis”. Selain digunakan sebagai istilah biologi, koronavirus sudah dicatatkan secara umum dalam sebilangan tulisan termasuk buku sebelum ini, berdasarkan penelitian Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka sekitar awal tahun 2000-an.

Sementara itu, COVID-19 pula merupakan sejenis penyakit baharu yang muncul pertama kali di dunia sekitar tahun 2019 di bandar Wuhan, wilayah Hubei, negara China. Wuhan pula merupakan antara bandar raya yang terkenal dengan makanan eksotik dan pasar basah bagi makanan haiwan liar di China. Penyakit tersebut dicetuskan oleh sejenis virus yang bernama *corona* dan penyakit ini belum

pemah dijangkiti oleh manusia, kecuali dalam kalangan haiwan sahaja.

Istilah COVID-19 belum lagi dicatatkan secara umum dalam Korpus DBP. COVID-19 merupakan entri baharu dalam kosa kata bahasa. Belum ada pun entri lagi perkataan tersebut dalam mana-mana kamus bahasa dunia, termasuk dalam kamus bahasa Melayu. Setakat ini, cuma terdapat definisi dalam kamus secara dalam talian. Antaranya, termasuklah seperti yang berikut dalam *Collins Dictionary* sebagai “a severe viral infections of the lungs characterized by fever, a dry cough, breathing difficulties, and fatigue”. Hal tersebut bermakna penyakit tersebut merupakan jangkitan viral paru-paru dengan teruk, dan yang menunjukkan tanda demam, batuk kering, masalah pernafasan dan kelesuan.

Walau bagaimanapun, dewasa ini COVID-19 sudah dibahaskan setiap hari dalam media massa dan kerap ditulis, disebut, serta menjadi buah mulut dalam kalangan penduduk dunia secara meluas, termasuk dalam kalangan masyarakat Malaysia. Selain itu, setiap hari akhbar tempatan memuatkan berpuluh-puluh berita tentang COVID-19, dan media lain pun turut membuat liputan tentang soal penyakit COVID-19 setiap hari untuk tatapan orang ramai.

Bagaimanakah terciptanya nama COVID-19? Pada mulanya para saintis memberikan nama penyakit ini sebagai

2019-nCoV, dengan mengambil kira tahun tercetusnya penyakit tersebut, iaitu pada tahun 2019 bersama dengan nama familinya (CoV). Selepas itu, penyakit tersebut diberikan nama COVID-19 yang membawa maksud *Corona Virus Disease 2019* atau Penyakit Virus *Corona 2019*. Oleh hal yang demikian, COVID-19 merupakan singkatan daripada Co + vi + D, iaitu Co untuk Corona, Vi untuk virus dan D untuk penyakit (*disease*). Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) secara rasmi memberikan nama rasmi baharu koronavirus yang kali pertama dikenal pasti di China pada 31 Disember lalu.

Dengan tercetusnya penyakit COVID-19, muncul pula beberapa ungkapan atau rangkai kata baharu dan menarik semasa penularan penyakit tersebut. Penciptaan istilah baharu memang menjadi keperluan mendesak bagi pengguna bahasa, khususnya wartawan dan pemberita untuk membentuk dan mereka cipta istilah dan ungkapan baharu apabila berhadapan dengan sesuatu gejala yang belum dialami oleh manusia. Selain itu, didapati belum ada istilah atau ungkapan untuk memperkatakan beberapa konsep dan gejala baharu tersebut. Dengan penularan wabak COVID-19, muncullah beberapa istilah dan ungkapan atau rangkai kata baharu yang belum diperkatakan atau dibahaskan lagi.

Antaranya ungkapan baharu itu termasuklah Perintah Kawalan Pergerakan, penjarakan sosial (*social distancing*) dan sekatan pergerakan (*lock down*) dengan maksud tertentu. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermaksud sekatan pergerakan orang ramai, manakala penjarakan sosial pula bererti berada di jarak yang selamat semasa bertemu dengan orang lain dan *lockdown* pula diertikan sebagai keadaan sekatan pergerakan atau akses terhadap aktiviti harian orang ramai yang dilaksanakan sebagai langkah keselamatan.

Demikianlah muncul beberapa ungkapan baharu apabila pengguna bahasa berhadapan dengan sesuatu gejala baharu seperti penularan penyakit yang cukup membimbangkan itu. Hal membentuk perkataan atau ungkapan baharu lumrah berlaku apabila pengguna bahasa tidak ada kata padanan dalam kosa kata bahasa mereka bagi gejala atau konsep yang belum dikenali itu.

Selain itu, didapati banyak kata yang ada hubung kait dengan wabak penyakit dan perubatan kerap digunakan dalam media massa. Antara yang kerap digunakan termasuklah perkataan dan istilah perubatan seperti vaksin, penularan, pandemik, epidemik, wabak, rantaian jangkitan, infeksi, morbiditi, saringan, mitigasi, disinfeksi, discaj, terapeutik, kuarantin sendiri, sanitizer dan gejala. Antara istilah tersebut termasuklah yang mendukung makna khusus. Contohnya, kemorbiditi

bererti keadaan bilangan orang daripada penduduk yang dijangkiti penyakit tertentu.

Ada juga antara istilah tersebut merupakan istilah Inggeris yang digunakan sebagai istilah alternatif atau yang bersinonim dengan istilah yang sedia ada. Sebagai contoh, disinfeksi bagi penyahjangkitan, fasiliti bagi kemudahan, transmisi bagi penjangkitan, servelan bagi pengawasan, dan isolasi bagi pengasingan. Demikianlah munculnya beberapa istilah baharu sebagai kata alternatif bagi kata dan rangkai kata yang sedia wujud.

Secara umumnya, setiap istilah perubatan ada maksud khusus, misalnya pandemik bermaksud wabak penyakit yang tersebar dengan begitu meluas, manakala epidemik bermaksud keadaan sesuatu penyakit yang mudah merebak dalam kalangan penduduk sesuatu kawasan pada waktu yang sama. Dalam situasi sekarang, pandemik menjadi istilah yang lebih tepat berbanding dengan wabak atau epidemik. Demikianlah masyarakat didedahkan dengan pelbagai istilah yang barangkali kurang difahami secara umum.

Seterusnya, ungkapan dan rangkai kata yang menerangkan penularan penyakit pula digunakan beberapa perkataan atau ungkapan dengan menarik dan yang belum diperkatakan lagi. Antaranya, termasuklah lokasi panas, darurat kesihatan, jumlah kumulatif, fasiliti kesihatan, dan pembelian panik. Hal ini menunjukkan daya kreativiti wartawan dan

Wuhan pula merupakan antara bandar raya yang terkenal dengan makanan eksotik dan pasar basah bagi makanan haiwan liar di China.

pemberita untuk mencipta atau mereka perkataan baharu. Dalam linguistik, amalan seumpama ini dirujuk sebagai neologisme, iaitu perkataan baharu atau maksud baharu yang baru sahaja masuk ke dalam kosa kata kebelakangan ini.

Kini, negara-negara dunia sedang bertungkus-lumus untuk menyekat penularan penyakit yang kian meruncing ini dengan pelbagai langkah, termasuk mengadakan sekatan perjalanan di dalam dan ke luar negara bagi penduduk negara, termasuk di negara kita sendiri serta mengutamakan kebersihan diri masyarakat. Selain itu, usaha giat sedang diambil untuk menemukan vaksin bagi penyakit tersebut oleh pakar perubatan.

Mudah-mudahan dengan usaha drastik yang diambil oleh semua pihak, diharapkan penularan wabak COVID-19 dapat dibendung dalam masa yang terdekat. Hal ini memang mungkin apabila wujud kerjasama erat antara orang ramai dengan pihak kerajaan di seluruh dunia. Untuk itu, marilah kita sama-sama berdoa dan memohon pertolongan daripada Yang Maha Kuasa agar penyakit berbahaya ini dapat dibendung secepat mungkin. **PB**

Petugas di barisan hadapan sentiasa terdedah terhadap bahaya penularan wabak COVID-19.

